

JAWAPAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM NEGERI PAHANG 2012

KERTAS 1

1	B	21	B	41	C
2	D	22	B	42	A
3	A	23	C	43	B
4	A	24	A	44	B
5	C	25	D	45	D
6	C	26	D	46	D
7	B	27	A	47	C
8	B	28	B	48	C
9	D	29	C	49	A
10	A	30	C	50	A
11	C	31	A	51	B
12	A	32	A	52	B
13	B	33	B	53	C
14	D	34	D	54	D
15	C	35	C	55	C
16	D	36	B	56	C
17	A	37	B	57	D
18	A	38	A	58	A
19	A	39	C	59	A
20	B	40	D	60	A

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A SOALAN 1

P	<p>Kata alu-aluan Sektor pertanian negara sangat berpotensi untuk dimajukan kerana Malaysia kaya dengan sumber pertanian. Kata sapaan yang sesuai.</p>
IS1	<p>Mewujudkan semula program pembangunan wilayah seperti JENGKA, DARA, KESEDAR, KETENGAH, DAN KEJORA.</p>
	<p>Kawasan pembangunan baharu yang diurus secara sistematik, prasarana yang lebih berkesan, dan peneroka sebagai pekerja dengan gaji tetap dapat membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar.</p>
	<p>Membangunkan kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak</p>
IS2	<p>Saiz pertanian yang kurang ekonomi digabungkan secara berkelompok</p>
	<p>Tanah-tanah kebun kecil yang kurang ekonomik disatukan di bawah satu pengurusan yang lebih sistematik ala estet mini untuk menjamin usaha melestarikan dan memodenkan sektor ini.</p>
	<p>Kebun-kebun terbiar diserahkan kepada koperasi pekebun kecil atau pengusaha swasta untuk diurustadbir dan diusahakan.</p>
IS3	<p>Membangunkan dan melengkapkan infrastruktur pertanian</p>
	<p>Sistem pengairan, pengangkutan, pusat pengumpulan dan penyimpanan, pengedaran, dan pemasaran hasil pertanian yang berkesan.</p>
	<p>Sistem pengairan yang berkesan seperti Sistem Pengairan Muda di Kedah, Rancangan Pengairan Kemubu di Kelantan, dan Rancangan Pengairan Kerian di Selangor membekalkan air ke sawah padi sepanjang tahun.</p>
IS4	<p>Menyediakan dana atau kemudahan kredit dengan ansuran dan mengenakan kadar faedah yang munasabah</p>
	<p>Membantu petani miskin di samping mewujudkan usahawan tani yang berdaya maju.</p>
	<p>Skim Kredit Mikro oleh Agro Bank, Lembaga Pertubuhan Peladang, Koperasi, dan Dana Pinjaman Mudah untuk penternak</p>
IS5	<p>Menyediakan kemudahan subsidi kepada petani</p>
	<p>Kemudahan subsidi baja kimia, racun serangga, dan subsidi harga hasil pertanian dapat meningkatkan hasil pertanian dengan kos yang rendah.</p>
	<p>Petani yang menjual padi kepada BERNAS akan diberi tambahan harga sekali ganda dalam bentuk kupon.</p>
IS6	<p>Mewujudkan sistem pemasaran hasil pertanian</p>
	<p>FAMA, MARDEC, dan BERNAS berfungsi untuk memasarkan hasil pertanian dan berjaya mengawal harga hasil pertanian melalui mekanisme kawalan harga yang stabil agar petani tidak ditindas oleh orang tengah</p>
	<p>FAMA membeli terus sayur-sayuran, buah-buahan, dan ternakan serta mewujudkan rangkaian pasar tani di seluruh negara.</p>

IS7	Mewujudkan pelbagai institusi penyelidikan dan pembangunan (P&P) pertanian
	Agensi P&P pertanian menghasilkan benih-benih baharu yang bermutu tinggi, tahan perosak dan bebas ancaman penyakit, serta cepat matang.
	MARDI menghasilkan durian klon 24, betik asotika, padi Japenica, MR10, dan Seri Malaysia. RRIM menghasilkan baka getah klon 900 yang memerlukan empat tahun untuk matang dan mengeluarkan susu getah dua kali ganda daripada klon biasa.
IS8	Mempromosi produk pertanian di dalam dan di luar negara secara berterusan
	Pasaran tempatan mempunyai kuasa beli yang terhad. Kerajaan memperluas pasaran produk pertanian ke luar negara untuk mencari pasaran baharu seperti di China, benua Afrika, India, dan Timur Tengah. Di samping mempromosi produk tempatan, kerajaan boleh menangkis provokasi pasaran komoditi pertanian
	Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia (MPOPC) mempromosi kelebihan minyak masak sawit Malaysia di luar negara sambil menangkis provokasi minyak soya Amerika.
IS9	Melaksanakan konsep pertanian bersepadu
	Aktiviti mempelbagaikan pertanian di satu kawasan tani yang sama membolehkan petani, pekebun, peladang, dan peneroka meningkatkan pendapatan dan mengurangkan risiko kejatuhan harga komoditi tertentu. Para petani mewujudkan rantai industri berasaskan tani di kawasan mereka dengan memproses hasil pertanian menjadi produk makanan
	Peneroka menjalankan aktiviti pertanian, ternakan atau akuakultur. Petani terlibat dalam industri pembuatan kerepek pisang, ubi, dan sebagainya.
IS10	Memperkasa kegiatan hiliran dalam sektor pertanian . Usaha untuk mengeluarkan hasil industri daripada sumber pertanian. Umpamanya, daun kelapa sawit diproses menjadi pelet makanan ternakan dan teh.
K	Revolusi minda dalam kalangan masyarakat tani dan penggunaan teknologi moden dapat menghasilkan keluaran dan produk pertanian yang boleh dikomersialkan di peringkat domestik dan global.

SOALAN 2

Pengenalan:

-Perpaduan nasional merupakan proses menyatupadukan masyarakat yang mempunyai perbezaan latar belakang, budaya, etnik, dan cara hidup untuk menjadi satu entiti yang terikat oleh norma masyarakat tanpa paksaan demi kepentingan bersama .

-Perpaduan membabitkan persefahaman antara kaum secara semula jadi dan mengekalkan keharmonian yang berpanjangan demi kemandirian bangsa Malaysia.

IS1 : Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK)

- Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum perlu memupuk dan mengamalkan kebudayaan kebangsaan yang bersifat kemalaysiaan sebagai satu norma yang diterima dan dihormati.

- Dasar ini mengutamakan nilai-nilai murni yang sesuai dengan pembinaan negara bangsa yang mempunyai jati diri Malaysia dan menolak nilai-nilai negatif Barat yang bertentangan dengan kebudayaan Malaysia.
- Kebudayaan kebangsaan bercirikan;
- Kebumiputeraan seperti yang dipersetujui dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan di Melaka pada 1971.
- Bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu
- Karya-karya kesusasteraan ditulis dalam bahasa Melayu dan berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat Malaysia.
- Kebudayaan Melayu menjadi teras, namun unsur-unsur kebudayaan masyarakat lain yang tidak bercanggah dengan perlembagaan dan prinsip Rukun Negara diterima demi kepentingan nasional
- Islam yang menjadi agama rasmi Malaysia menjadi dasar terpenting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan.
- Dalam bidang seni pula, unsur-unsur dasar / asas terdiri daripada unsur seni bumiputera tradisional.
- DKK menjana perpaduan antara kaum dan menjamin identiti kebangsaan

IS2 : Dasar Bahasa Kebangsaan (DBK)

- Terandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963 / 67 (disemak semula 1971)
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan yang melambangkan identiti dan kedaulatan negara serta berfungsi menyatukan rakyat berbilang kaum.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dalam urusan rasmi seperti pemerintahan, perdagangan, dan upacara rasmi
- Penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum bertambah baik dan bahasa Melayu telah menyatukan jiwa mereka sebagai satu bangsa Malaysia walaupun berlainan keturunan, warna kulit, tempat, dan bahasa.

IS3 : Rukun Negara

- Rukun Negara telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sebagai ideologi kebangsaan negara yang dapat menyatukan fikiran, pendapat, dan perasaan rakyat yang berbilang kaum selepas peristiwa hitam 13 Mei 1969.
- Rukun Negara menjadi panduan norma dan nilai-nilai untuk perpaduan.
- Kepercayaan kepada Tuhan – mewujudkan ikatan agama yang membentuk fikiran, pertuturan, dan perbuatan yang memanfaatkan diri dan orang lain kerana semua agama menyeru kebaikan.
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara – memupuk sikap bertanggungjawab, berkorban demi mempertahankan negara, dan menyumbang dalam pembangunan negara.
- Keluhuran Perlembagaan – rakyat Malaysia yang berbilang kaum harus memahami bahawa perlembagaan ialah perundangan tertinggi yang wajib dipatuhi demi keharmonian negara.
- Kedaulatan Undang-undang – bangsa Malaysia harus menghormati undang-undang yang memberi perlindungan kepada semua kaum.
- Kesopanan dan Kesusilaan – memupuk sahsiah mulia agar tidak menyinggung perasaan orang lain yang boleh menjejaskan keharmonian kebangsaan.

IS4 : Permuafakatan Politik / Kerjasama Politik

- Permuafakatan politik merupakan kerjasama politik antara kaum dalam mentadbir negara.

- Gabungan parti politik utama UMNO-MCA-MIC dalam pilihan raya persekutuan 1955 menjadi bukti bahawa masyarakat berbilang kaum menyokong perkongsian politik.
- Pakatan Murni / Tolak Ansur antara kaum telah mewujudkan manifesto ke arah kemerdekaan Tanah Melayu.
- Orang Melayu memberi kelonggaran pemberian kerakyatan kepada orang bukan Melayu dan orang bukan Melayu pula mengiktiraf perkara-perkara yang berhubung dengan kedudukan Raja-raja Melayu, agama Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan, dan keistimewaan orang Melayu serta pribumi Sabah dan Sarawak.
- Kini, Barisan Nasional terdiri daripada beberapa parti komponen yang mewakili etnik majoriti dan minoriti di Malaysia berjaya memimpin 27 juta rakyat Malaysia yang berbilang kaum, mengekalkan keharmonian, dan keselamatan demi perpaduan nasional.

IS5: Penguatkuasaan Undang-undang

- -Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 8 menyentuh tentang kesamarataan rakyat Malaysia dan mereka dilindungi di sisi undang-undang.
- Kerajaan mewujudkan Akta Hasutan 1970 yang menghalang sesiapa mempersoal isu-isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan nasional;
- Kedaulatan Raja-raja Melayu
- Hak kerakyatan bukan Bumiputera
- Islam sebagai agama rasmi persekutuan
- Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan
- Hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera.

IS6: Dasar Wawasan 2020

- Diperkenalkan pada 1991 dengan 9 cabaran untuk mewujudkan negara yang bersatu padu, setia dan dedikasi di samping masyarakat Malaysia yang liberal, bertolak ansur, bermoral, beretika, berbudi, berbudaya, penyayang, hidup makmur.

IS7: Mengadakan Sambutan pelbagai perayaan masyarakat berbilang kaum di peringkat kebangsaan.

- Keunikan Malaysia sebagai sebuah 'melting pot' yang merayakan pelbagai perayaan kaum majoriti sebagai agenda nasional telah memupuk kesedaran bertoleransi, menghormati kaum lain, dan bekerjasama dengan ikhlas untuk mengekalkan perpaduan.
- Perayaan mega seumpama ini membolehkan kita mengenali budaya masyarakat lain dan seterusnya mengurangkan prejudis terhadap mereka.

Kesimpulan:

- Perpaduan nasional mampu menangkis sebarang ancaman yang akan menggugat ketenteraman awam.
- Faktor-faktor yang menghalang perpaduan harus ditangani oleh semua pihak.
- Sejarah tanah air harus dikaji dan difahami secara teliti dan objektif kerana tindakan semberono boleh mengundang kesan negatif yang merungkai semangat permuafakatan antara kaum

SOALAN 3

P	Bahan kimia digunakan secara meluas dalam sektor pertanian, perindustrian, dan perubatan untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti . Penggunaan bahan kimia secara berlebihan boleh memudaratkan manusia dan alam sekitar.
KEBAIKAN	
IS1	Meningkatkan pengeluaran pertanian
	Penggunaan baja untuk menyuburkan tanah dapat meningkatkan hasil pertanian dari segi kualiti dan kuantiti. Racun membunuh serangga perosak seperti ulat, siput, dan tikus. DDT, chlordane dan heptachlor meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran.
IS2	Memajukan industri makanan dan minuman
	Bahan pengawet, pewarna dan perisa tiruan digunakan dalam industri pengeluaran makanan segera. Menjadikan makanan berwarna warni, sedap, dan lebih menarik Bahan pengawet seperti natrium nitrat dan asid borik dalam burger daging membolehkan daging disimpan lama. Aspartam sebagai pemanis tiruan dalam minuman ringan yang berkarbonat.
IS3	Perubatan moden
	Ubat-ubatan untuk menyembuhkan dan pencegahan penyakit, bius dalam pembedahan, dadah untuk kesihatan, dan bahan kecantikan Aspirin untuk demam Steroid untuk menguatkan otot Aspartam dan sorbitol sebagai pemanis tiruan untuk pesakit diabetis dan mengawal obesiti
IS4	Memajukan industri pengeluaran
	Industri pakaian, barangan kilang, barangan semi konduktor, dan permotoran menggunakan bahan kimia untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran. Sodium hipoklorit dalam sabun boleh menghasilkan klorin untuk membersihkan kotoran
IS5	Menguntungkan pengusaha
	Terdapat variasi produk makanan , ubat-ubatan, barang-barang , dan sebagainya dalam bentuk yang lebih menarik dan komersial. Pelbagai jenis daging burger dan bentuk ubat-ubatan (pil, kapsul, cecair, krim, dan gel)
IS6	Penjagaan kesihatan dan kecantikan
	Ketika pemprosesan makanan dan minuman seperti jus buah-buahan, vitamin dan mineral mungkin termusnah. Bahan tambahan seperti vitamin A, B, C, D , dan mineral seperti zat besi boleh ditambahkan ke dalam makanan dan jus tersebut. Vitamin C ditambah dalam jus buah-buahan untuk mengelakkan skervi dan vitamin A dalam marjerin untuk mengelakkan riket. Penggunaan hidroquinon sebagai bahan mengawal pigmentasi kulit agar lebih cerah dan sekata.
KEBURUKAN	
IS1	Menjejaskan kesihatan manusia
	Makanan yang mengandungi bahan kimia yang tinggi akan mengganggu saraf

	seperti pening kepala, alergi, rambut gugur, kanser, mandul, merencatkan pertumbuhan kanak-kanak, dan hiperaktif dalam kalangan kanak-kanak.
	Bahan tambahan (aditif) seperti sodium sulfit, MSG, dan pewarna Yellow No.5 menyebabkan sindrom restoran China (sesak nafas), sakit dada, dan pening kepala.
IS2	Keracunan makanan
	Produk daging, sayur-sayuran, dan buah-buahan yang menggunakan bahan pengawet boleh tercemar dan menyebabkan cirit-birit, muntah, dan pening kepala.
	Buah-buahan yang diimport diawet dengan sulfur dioksida boleh menyebabkan keracunan makanan
IS3	Kepupusan flora dan fauna
	Pembuangan sisa toksid ke sungai dan laut oleh kilang-kilang pembuatan akan menyebabkan hidupan akuatik tercemar dan mati.
	Kehadiran logam berat dan aluminium
IS4	Pencemaran alam sekitar
	Penggunaan bahan kimia tanpa kawalam dalam sektor pertanian dan perkilangan akan mencemarkan tanaman, tanah, air, dan udara
	Gas sulfur dioksida dalam asap kilang dan kenderaan menyebabkan hujan asid yang kurang daripada pH5.6 berbahaya kepada manusia dan alam sekitar.
IS5	Merosakkan harta benda
	Penggunaan bahan kimia yang mempunyai kepekatan yang melampau boleh merosakkan harta benda dan kulit.
	Klorin yang pekat dalam detergen pencuci boleh memudarkan warna dan mereputkan kain
K	Pengusaha produk harus telus, mesra pengguna, dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Mereka harus melaksanakan tanggungjawab sosial bukan hanya mengaut keuntungan sahaja.

SOALAN 4

P	Sukan perlu dibangunkan dengan cara yang lebih sistematik, global, dan berkesan. Malaysia berpotensi untuk mengekalkan kejuaraannya di peringkat antarabangsa dan sukan berprestij kerana pernah menjulang Piala Thomas, menjadi juara bola sepak apabila mengalahkan Vietnam 1-0 di Laos, Juara Piala Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF), dan juara bola sepak sukan SEA ke-26 di Indonesia.
IS1	Mencungkil bakat sukan dalam kalangan murid sekolah
	Penganjuran sukan sekolah, MSSM di peringkat sekolah rendah dan menengah, dan SUKMA dapat mengenal pasti pelajar dan belia yang berpotensi dalam bidang sukan.
	Penubuhan sekolah sukan dapat mengasah bakat-bakat muda dalam pelbagai bidang sukan secara formal
IS2	Menyediakan lebih banyak kemudahan sukan untuk rakyat menjalani latihan sukan.
	Pusat latihan sukan yang dilengkapi prasarana sukan yang cekap dan diselenggara dengan baik dapat meningkatkan mutu sukan.
	Mendirikan stadium mini di daerah-daerah
IS3	Menggunakan perkhidmatan jurulatih dan pegawai sukan yang bertaraf

	profesional
	Mereka menggunakan kepakaran masing-masing untuk melatih, mentadbir , dan mengurus atlet negara ke peringkat dunia.
	Jurulatih import dalam sukan badminton iaitu Rexy Manaiky dari Indonesia
IS4	Mengimport pemain , makanan , dan peralatan sukan
	Pendekatan dan teknik pemain import boleh menjadi inspirasi kepada atlet tempatan meningkatkan mutu permainan mereka.
	Peralatan sukan dan produk pemakanan import yang lebih berkualiti secara tidak langsung menyumbang prestasi cemerlang atlet tempatan.
	Menggunakan basikal import dari german bagi atlet lumba basikal
IS5	Menjalankan penyelidikan dan pembangunan kepakaran
	Kepakaran dalam kepegawaian, kejurulatihan, dan kemudahan sukan yang sistematik dan berkesan dapat meningkatkan mutu sukan negara
	Kaedah baharu yang lebih berkesan untuk meningkatkan mutu sukan, program pemakanan atlet ,dan motivasi untuk memperkukuh keyakinan diri atlet
IS6	Melantik kontraktor yang berpengalaman dan bertanggungjawab untuk membina prasarana sukan dan membekalkan peralatan yang bermutu.
	Prasarana sukan yang bermutu penting untuk menjana prestasi cemerlang atlet
	Penggunaan trek untuk acara bar lapan
IS7	Mendapatkan penajaan daripada syarikat swasta
	Memberi insentif kepada mana-mana syarikat swasta yang menaja penganjuran sukan di peringkat antarabangsa, mengurus badan sukan dalam sukan yang berprestif, dan bantuan kewangan.
	Soccer kid dan atlet muda tajaan Danone dan milo.
IS8	Memberi ganjaran yang setimpal dengan pencapaian cemerlang atlet dalam sukan peringkat antarabangsa.
	Atlet cemerlang diberi ganjaran wang, pekerjaan atau harta sebagai penghargaan dan penghormatan.
	Ganjaran menjadi jaminan masa depan mereka.
	Pemenang pingat emas sukan bertaraf antarabangsamenerima ganjaran daripada kerajaan
	Kerajaan memperkenalkan skim pencen kepada atlet cemerlang
IS9	Melaksanakan dasar 1Murid 1Sukan Untuk 1Malaysia
	Potensi setiap murid dicungkil , dipupuk, dan diketengahkan agar mereka menjadi golongan atlet muda yang cemerlang.
IS10	Mengadakan Program ELIT 2011-2014
	Mengadakan program latihan jangka pendek dan jangka panjang yang terancang, berfokus, bersistematik, saintifik,dan berintegrasi
	Menyediakan atlet untuk Sukan Komanwel ke-20 di Glasgow, Scotland dan Sukan ASIA ke-17 di Incheon, korea pada 2014.
K	Memartabatkan sukan negara penting kerana sukan berpotensi mendatangkan pendapatan yang tinggi kepada negara.
	Mengembalikan legasi kejuaraan dalam bidang sukan tertentu.

BAHAGIAN B

SOALAN 5

IU	Perjalanan keuangan Islam di Malaysia semakin berkembang hasil sistem kewangan Islam yang komprehensif dan kukuh .	
	Pengenalan dan penguatkuasaan Akta Bank Islam 1983 menjadi permulaan pembangunan sistem kewangan Islam .	
	Malaysia telah menarik pelabur dari negara Islam Timur Tengah dan Eropah untuk melabur dalam produk dan perkhidmatan perbankan Islam	6/6
IS1	Tekanan persaingan yang hebat mendorong liberalisasi kewangan dan revolusi teknologi	2/2
IS2	Peluang strategik timbul akibat pertumbuhan budaya baharu dan pasaran lebih luas.	
	Integrasi ekonomi serantau dan antarabangsa menjadi bertambah pantas akibat aliran perdagangan dan pelaburan global.	4/4
IS3	Sistem kewangan dan perbankan Islam perlu lebih berwaspada dan berusaha untuk menghadapi persaingan dengan negara-negara bukan Islam	3/3
IS4	Negara berkenaan berpotensi untuk mencuri pelanggan kerana mereka mengikut kehendak pasaran dan mengetepikan syariah	2/2
IS5	Institusi perbankan Islam tempatan mengamalkan model perbankan Islam yang tulen, mengikut syariah sebenar dan luwes mengikut keperluan semasa .	3/3
IS6	Lanskap kewangan memerlukan generasi profesional dan fokus kepada pelanggan yang arif teknologi, berkelayakan tinggi, tangkas, dan berkemahiran terkini .	2/2
K	Kejayaan sistem perbankan Islam menjadikan Malaysia peneraju sistem kewangan Islam dunia .	
	Pelbagai saingan dan rintangan akan muncul	
	Sistem perbankan Islam perlu melengkapkan institusi dengan maklumat, teknologi, dan inovasi .	4/4

SOALAN 6

Pak Ku sedang duduk di hadapan kedainya. Pak Ku ialah seorang muaf keturunan Cina yang separuh umur dan berketayap. Dia sedang menghisap paip cina sambil mengipas-ngipas badannya.

Pak Lemman dengan suara daif / lemah memberitahu Pak Ku bahawa itulah ramalan Tuk Nujum. Itulah keadaan anak cucunya jika nasib mereka tidak diubah. Pak Ku meyakinkan Pak Lemman agar jangan / usah bimbang kerana mereka boleh berusaha untuk mengubah nasib mereka, tambahan pula itu hanya ramalan sahaja. Pak Lemman terkejut kerana Pak Ku seolah-olah tidak mempercayainya pula. Pak Ku meyakinkan Pak Lemman bahawa dia mempercayainya terutama sekali tentang ramalan yang baik. Dia mempercayai apa-apa yang agama Islam perkatakan, malah dia juga mempercayai ajaran dalam cara hidup orang Cina. Pak Ku ingin mengetahui pandangan Pak Andak.

Pak Lemman memberitahu Pak Ku bahawa Pak Andak menyatakan agar dia tinggal di Kampung Sukamenanti itu. Mereka boleh berusaha dan bersama-sama sehingga Pak Lemman dapat menebus kembali anak isteri dan kampung halaman. Mereka akan bersama-sama walaupun mereka berkeadaan garam sebuku, sirih sepiak, dan beras segenggam. Pak Ku memberitahu Pak Lemman bahawa dia bersetuju. Pak Ku menyatakan bahawa Pak Andak itu mempunyai sawah dan sedikit dusun. Pak Ku bersetuju kerana dia pun memiliki ladang dan sepintu dua kedai. Pak Lemman mengucapkan terima kasih kepada Pak Ku.

SOALAN 7

Dalam Acara bagi pelucutan kewarganegaraan, Fasal (1) Perkara 27, iaitu sebelum melaksanakan perintah di bawah Perkara 24, 25 atau 26, Kerajaan Persekutuan hendaklah memberitahu / memaklumkan alasan-alasan secara bertulis kepada orang yang akan dikenakan perintah. Orang itu juga berhak untuk merujuk hal itu kepada satu jawatankuasa siasatan di bawah Perkara ini.

Fasal (2) iaitu jika seseorang yang menerima pemberitahuan itu memohon agar haknya dirujuk seperti tersebut di atas, Kerajaan Persekutuan hendaklah dan dalam hal lain/ keadaan lain boleh merujuk hal itu kepada satu jawatankuasa siasatan. Jawatankuasa siasatan terdiri daripada seorang pengerusi yang mempunyai pengalaman kehakiman dan dua orang ahli lagi yang dilantik oleh kerajaan.

Fasal (3) adalah dalam hal yang dirujuk itu, jawatankuasa hendaklah mengadakan siasatan mengikut arahan Kerajaan Persekutuan dan menghantar laporan kepada kerajaan. Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi perhatian terhadap laporan itu bagi memutuskan sama ada kerajaan hendak melaksanakan perintah atau tidak.

SOALAN 8

KESALAHAN	ANALISIS	PEMBETULAN
1...orang boleh bertutur...	Tertinggal kata hubung pancangan relatif. Kata hubung pancangan relatif yang harus hadir selepas kata nama yang berfungsi sebagai subjek kerana yang sebagai unsur peluasan subjek dalam klausa kecil.	...orang yang boleh bertutur...
2. ...beliau...	Kata ganti nama diri ketiga yang tidak tepat. Beliau bagi orang yang banyak berjasa/ ternama sedangkan dia bersifat lebih umum	...dia...
3. ...lain perkataan...	Tidak menepati Hukum D-M Kata nama perkataan ialah inti frasa yang diterangkan harus hadir sebelum kata keterangan lain yang menerangkan.	...perkataan lain...
4. ...bercampur-gaul	Kesalahan tanda baca sempang. Kata majmuk berimbuhan awalan yang dieja terpisah tidak perlu menggunakan tanda sempang kerana bukan kata ganda.	...bercampur gaul
5.Selain daripada itu,	Kesalahan lewah. Dua kata sendi nama selain dan daripada tidak boleh hadir serentak/berurutan.	Selain itu,
6. ... akan dia selesaikan segera	Kesalahan struktur ayat pasif kata ganti nama diri ketiga. Frasa kerja pasif diri ketiga dia terbentuk daripada kata kerja yang berawalan di- diselesaikan dan diikuti frasa sendi nama yang terbina daripada kata sendi nama oleh serta kata nama –nya.	...akan diselesaikan segera olehnya.